



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

BULETIN AGRO

CUKUP DAN TERJAMIN



SOROTAN JUN 2024

MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-12 TAHUN 2024 6 JUN 2024

Seramai 982 orang graduan menerima diploma dan sijil pada Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-12 bagi tahun 2024 yang telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), YB Datuk Arthur Joseph Kurup di Putrajaya. Majlis turut dihadiri oleh YBhg Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM; Setiausaha-setiausaha Bahagian dan Ketua - ketua Jabatan/Agensi di bawah KPKM.

Majlis konvokesyen ini diadakan bagi meraikan para pelatih bagi tahun 2023 yang telah menamatkan pengajian di pusat latihan bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Penerima skrol terdiri daripada 96 orang graduan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), 482 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), 337 orang graduan Sijil Pertanian, 43 orang graduan Sijil Veterinar Malaysia dan 24 orang graduan Sijil Perikanan.

Melalui ucapannya, Timbalan Menteri KPKM menyatakan Kementerian mendukung visi negara ke arah membangun Malaysia Madani di samping memastikan peralihan kepada Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang diterapkan melalui pemerkasaan Sistem Pendidikan Teknikal & Vokasional (TVET) yang ditawarkan.

Oleh yang demikian, bagi memastikan semua graduan berkemahiran sentiasa relevan dalam industri pertanian, adalah penting bagi Kerajaan memperkasa jaringan ekonomi digital di seluruh negara melalui pelaksanaan pelbagai kerangka strategi serta pelan Tindakan termasuk pembangunan dan penguatkuasaan program TVET di bawah kawal selia KPKM.

Komitmen ini penting untuk mendukung aspirasi dan hala tuju sektor agromakanan negara agar lebih mampan, berdaya tahan serta berteknologi tinggi dalam memastikan pembangunan dan pemodenan industri pertanian negara sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Sejajar dengan aspirasi pelaksanaan dan pembudayaan Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) oleh KPKM, para graduan lulusan pusat bertauliah KPKM bukan sahaja didedahkan dengan kemahiran teknikal tetapi turut diterapkan dengan ilmu keusahawanan sepanjang tempoh pengajian untuk menjadi nilai tambah alam pekerjaan atau sebagai asas untuk menjadi usahawan agromakanan yang berjaya.

Pembangunan modal insan berkemahiran tinggi diperlukan bagi memenuhi keperluan kepakaran semasa dan masa hadapan untuk membina tenaga kerja yang mantap dalam sektor agromakanan.

Di samping itu, pemerkasaan latihan TVET dengan penerapan latihan dalam penerima gunaan teknologi moden akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan meningkatkan nilai tambah kepada graduan yang dihasilkan dan seterusnya dapat meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan KPKM.

KPKM juga telah meluluskan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM26.3 juta untuk penyelenggaraan infrastruktur di Pusat Bertauliah KPKM bagi menyediakan prasarana lengkap dan baik untuk para pelatih merangkumi 14 program pembangunan di seluruh negara.

Pemerkasaan modal insan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan jangka panjang kerana ia mampu meningkatkan produktiviti dan kecekapan industri, menjana hasil dan memperoleh pendapatan yang tinggi.



MALAYSIA TEROKAI POTENSI URUGUAY SEBAGAI NEGARA SUMBER BAHARU DAGING HALAL

7 JUN 2024

Malaysia dipelawa meneroka potensi Uruguay sebagai negara sumber baharu bagi pengimportan daging halal. Perkara ini dibincangkan sewaktu kunjungan hormat daripada TYT Ing. Agr. Fernando Mattos, Menteri Ternakan, Pertanian dan Perikanan, Uruguay ke atas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu pada 6 Jun 2024 di Wisma Tani, Putrajaya.

TYT Mattos memaklumkan bahawa daging merupakan eksport terbesar Uruguay diikuti selulosa, gandum, kacang soya dan beras. Sebagai salah satu negara pengeksport daging terbesar dunia, Uruguay melihat Malaysia sebagai rakan dagang yang penting dan berpotensi bagi pasaran daging halal. Uruguay turut menawarkan kepada Malaysia peluang untuk meluaskan rangkaian negara sumber bagi daging halal import.

YB Menteri menyambut baik cadangan tersebut berdasarkan keperluan negara untuk mempelbagaikan sumber import bagi menjamin bekalan makanan negara. Industri ternakan ruminan yang besar dengan keupayaan kilang dan teknologi pemprosesan yang kompeten adalah antara kelebihan bagi Uruguay yang pastinya berpotensi untuk menjadi pengeksport daging lembu berkualiti utama ke Malaysia.

Malaysia dan Uruguay akan meningkatkan lagi usaha sama dalam aspek keterjaminan makanan termasuk memperkasa lagi isu-isu halal, fitosanitasi dan keselamatan makanan. Uruguay turut menyatakan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab perdagangan daging lembu ke rantau ini, selari dengan hasrat Malaysia untuk menjadikan negara sebagai gerbang perdagangan kepada negara-negara ASEAN.

YB Menteri turut memohon kerjasama pihak Uruguay untuk membekalkan maklumat mengenai keperluan import bagi produk-produk nilai tambah dari Malaysia untuk memasuki pasaran Uruguay, seperti produk berasaskan haiwan, *liquid egg*, makanan haiwan dan vaksin haiwan serta mengalu-alukan kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

YB Menteri berharap kerjasama dua hala ini dapat dipertingkatkan. Di akhir pertemuan, YB Menteri telah menjemput TYT Mattos ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang dijadualkan pada 11 hingga 22 September 2024 dan turut mempelawa penyertaan pihak Uruguay dalam acara dwi-tahunan tersebut. TYT Mattos berada di Malaysia dalam siri lawatan kerja selama tiga (3) hari sejak 4 Jun 2024.



HARI TERBUKA BUDI MADANI AGRI-KOMODITI

8 JUN 2024

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II telah menghadiri Hari Terbuka BUDI MADANI Agri-Komoditi di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Klang, Selangor.

Dalam program tersebut, telah diadakan sesi libat urus bersama-sama 150 orang golongan sasaran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang terdiri daripada petani, penternak dan pengusaha akuakultur di sekitar Klang, Selangor.

Sesi libat urus ini diadakan bagi mendapatkan input dan pandangan golongan sasaran berhubung bantuan tunai bulanan sebanyak RM200 di bawah inisiatif BUDI Agri-Komoditi yang telah diumumkan sebelum ini.

Semua pandangan dan maklum balas daripada libat urus ini diambil oleh pihak KPKM dan MOF selaras dengan penambahbaikan bantuan BUDI Agri-Komoditi. Selain sesi libat urus, program hari ini turut menyediakan perkhidmatan kaunter pendaftaran GeoAgro dan BUDI MADANI bagi memudahkan golongan sasaran membuat pendaftaran serta mendapatkan khidmat nasihat.

Sebelum itu telah diadakan lawatan ke Projek De Lettuce Bear Marketing Sdn Bhd di Bandar Puteri, Klang Selangor. Program ini turut dihadiri Ketua Setiausaha, KPKM, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali; Pengarah Belanjawan Negara, MOF, YBhg. Dato' Shahrol Anuar bin Sarman dan Pegawai-Pegawai Kanan KPKM serta MOF.

SAMBUTAN KARNIVAL SETAHUN JUALAN AGRO MADANI SEMPENA MAJLIS PRA PELANCARAN MAHA 2024

9 JUN 2024

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali telah merasmikan Sambutan Karnival Setahun Jualan Agro MADANI Sempena Majlis Pra Peluncuran MAHA 2024 di Tapak Pasar Tani, MAEPS, Serdang, Selangor.

Sempena Setahun Jualan Agro MADANI, pelbagai produk makanan asas utama, makanan popular dan florikultur seperti sayuran, buah-buahan, ayam, ikan dan lain-lain di jual dengan penglibatan 40 usahawan. Menariknya jualan kali ini terdapat pelbagai tawaran disediakan antaranya kombo MADANI, kupon diskaun dan jualan *happy hour*.

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali telah menyempurnakan Flag Off Road To MAHA Fun Run 2024 yang telah disertai lebih 1000 peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Penganjuran kali ini turut menyaksikan penyertaan golongan muda yang ramai.

Selain itu, persembahan kebudayaan, pertunjukan seni bela diri dan persembahan selebriti turut diadakan bersama jemputan di bawah program Mini Rhythm of the Farmers MAHA 2024 yang turut dirasmikan oleh YBhg. Datuk KSU KPKM. Pengunjung yang hadir turut dihiburkan dengan persembahan selebriti tempatan antaranya Zamani, Slam.

Program ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KPKM; YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPKM dan Pegawai-Pegawai Kanan KPKM.

MAJLIS PELUNCURAN MAHA 2024

10 JUN 2024

Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang akan diadakan pada 11 hingga 22 September 2024 di MAEPS, Serdang, merupakan MAHA edisi khas 2024 sempena meraikan 100 tahun penganjurannya. Majlis Peluncuran MAHA 2024 telah dilancarkan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu.

Tema MAHA pada tahun ini, "Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom" mencerminkan aspirasi KPKM untuk menuai kejayaan di masa hadapan dengan usaha dan inovasi yang diterokai pada hari ini. Justeru Majlis Peluncuran MAHA 2024 merupakan medan terbaik untuk mempromosi serta memberi kesedaran awal kepada kumpulan sasar bersempena penganjuran MAHA 2024.

MAHA 2024 bakal menjadi medan terbaik untuk mempamerkan inovasi terkini, teknologi moden, serta produk-produk pertanian tempatan yang berkualiti tinggi serta sedia untuk dipasarkan ke pasaran tempatan mahupun antarabangsa. MAHA 2024 turut memberi penekanan kepada Internet of Things (IoT) dalam Pertanian, Sektor Perikanan, Penternakan dan Perlindungan.

Selain itu, MAHA 2024 akan turut melaksanakan beberapa pendekatan baharu yang lebih bersifat interaktif dan selari dengan minat generasi pada masa kini antaranya pertunjukan teknologi dalam pertanian, penekanan elemen agro pelancongan, penerapan elemen kemampanan yang selaras dengan 'Sustainable Development Goals' dan melaksanakan elemen-elemen baharu lain yang akan diangkat semasa MAHA 2024.

Bermula pada tahun 1923, MAHA merupakan pameran pertanian utama dan terbesar di Asia Tenggara. Melangkaui satu abad penganjuran, MAHA kini telah menjadi pameran sektor pertanian yang sentiasa dinanti oleh segenap lapisan masyarakat kerana membawa elemen teknologi terkini dan penekanan pameran bersifat interaktif dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara.

Majlis Peluncuran MAHA 2024 yang diadakan selama dua (2) hari melibatkan penganjuran Karnival Sambutan Setahun Program Jualan Agro MADANI, Road To MAHA Fun Run 2024 dan Mini Rhythym Of The Farmers di MAEPS Serdang sebagai pengisian.

MAHA 2024 bakal berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang pada 11 hingga 22 September ini dengan menyasarkan:

- Sasaran jumlah bilangan pengunjung yang ditetapkan sepanjang tempoh penganjuran adalah minimum 3 juta orang;
- Nilai jualan langsung berjumlah sekurang-kurangnya RM 40 juta;
- Nilai potensi pembiayaan kewangan berjumlah RM 600 juta atau sekurang-kurangnya 4000 permohonan;
- Nilai Perjanjian Persefahaman sekurang-kurangnya bernilai RM 6 bilion;
- Bilangan pempamer melebihi 2000 syarikat; dan
- Jumlah 'outreach' menerusi media sosial sekurang-kurangnya 10 juta orang.

Majlis ini turut dihadiri YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha, KPKM; YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KPKM; YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPKM; Wakil-wakil Kedutaan dan Pegawai-pegawai Kanan KPKM.



MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2024

13 JUN 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKSMN) Bilangan 1 Tahun 2024 telah bersidang pada 13 Jun 2024, mengetengahkan aspirasi Kerajaan dalam merangka dasar dan strategi keterjaminan makanan yang lebih berdaya saing dan lestari sekali gus memastikan kestabilan dan kemampanan keterjaminan makanan negara. Mesyuarat JKSMN telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan turut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Timbalan Menteri, Ketua-ketua Setiausaha serta Gabenor Bank Negara.

JKSMN kali ini telah meneliti sembilan (9) kertas kerja yang merangkumi satu (1) kertas pembentangan khas, empat (4) kertas pertimbangan dan empat (4) kertas makluman. Sesi mesyuarat turut memberi tumpuan dalam memperkasakan keterjaminan makanan negara menerusi pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi seperti pelaksanaan Projek Ladang Tenusu Chuping Usahasama FGV, Touch Group dan Baladna serta Cadangan Hala Tuju dan Pembangunan Ekosistem Industri Tanaman Bawang Tempatan menerusi sokongan kewangan untuk pembangunan infrastruktur dan sokongan di sepanjang rantai pengeluaran bawang.

Selain itu, mesyuarat turut bersetuju agar satu kajian dilaksanakan secara bersama oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui universiti dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) bagi meneliti dan menilai potensi serta kebolehlaksanaan Penghasilan Daging Kultur, Hasil Daging Kultur serta Cell-Based Food sebagai sumber alternatif daging di Malaysia.

Antara kertas makluman yang turut dibincangkan termasuklah berkenaan Pembangunan Indikator Keterjaminan Makanan Malaysia, pelaksanaan Protokol Fitosanitari Pengeksporan Buah Durian Segar dari Malaysia ke Republik Rakyat China (RRC) serta pelaksanaan Kajian Blueprint Sekuriti Makanan Negara.

Pencapaian setahun penganjuran Program Jualan Agro MADANI yang sangat menggalakkan menjadi cerminan kejayaan Kerajaan MADANI dalam membantu kelangsungan hidup rakyat menerusi penjimatan harga jualan antara 10% hingga 30% lebih murah daripada harga pasaran.

Bagi menyokong keterjaminan makanan, kaedah penanaman masa hadapan menerusi Pembangunan Kilang Tanaman amat perlu dalam usaha untuk menyokong pertumbuhan industri berasaskan penggunaan teknologi bernilai tinggi. Lanjutan itu, penyeragaman dan penyediaan Garis Panduan Perancangan Kilang Tanaman (GPP KiTa) yang komprehensif sebagaimana diutarakan dalam mesyuarat ini dapat meningkatkan ekosistem dan produktiviti hasil tanaman negara.

Selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI, ikhtiar secara bersepadu dan holistik amat penting dalam mendukung pelaksanaan inisiatif keterjaminan makanan. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan tahap keterjaminan makanan negara diperkukuhkan, seiring dengan konsep *Food Security is a Shared Responsibility*.



DURIAN SEGAR MALAYSIA DIEKSPORT KE CHINA

19 JUN 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah memeterai Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke Republik Rakyat China (RRC). Protokol tersebut telah dimeterai oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama H.E. Yu Jianhua, Menteri General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC).

Dokumen Protokol tersebut telah diserahkan antara YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan H.E. Ouyang Yujing, Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia semasa Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman Persetujuan antara YAB Perdana Menteri Malaysia dan Premier Republik Rakyat China yang diadakan di Putra Perdana, Putrajaya hari ini dengan disaksikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan Premier Li Qiang.

Melalui pemeteraian ini, luang pasaran eksport baharu bagi buah durian segar dari Malaysia ke negara China telah dibuka. Sebelum ini, Malaysia telah diberikan akses pasaran eksport ke China bagi durian dalam bentuk ulas dan pes pada tahun 2011 dan buah durian sejuk beku dalam bentuk biji pada tahun 2018. Tambahan akses durian segar ini akan mengembangkan industri tanaman durian tempatan dan meningkatkan nilai eksport agromakanan ke luar negara.


Untuk rekod, dalam tempoh lima (5) tahun dari 2018 hingga 2022, jumlah nilai eksport durian ke luar negara telah berkembang sebanyak 256.3% atau peningkatan sebanyak RM822.8 juta. Pada tahun 2022, eksport durian Malaysia ke seluruh dunia mencatat nilai sebanyak RM1.14 bilion.

Secara keseluruhan, durian merupakan penyumbang utama (58.6%) kepada nilai eksport buah-buahan negara pada tahun 2022 daripada keseluruhan nilai eksport buah-buahan yang bernilai RM2.01 bilion. Negara China merupakan pasaran eksport utama buah durian dari Malaysia dengan nilai eksport sebanyak RM887 juta pada tahun 2022.

Nilai eksport durian diunjur akan terus meningkat kepada RM1.8 bilion pada tahun 2030. KPKM yakin pelaksanaan protokol ini akan menggalakkan perkembangan industry tanaman buah durian tempatan dan membuka peluang kepada lebih 63 ribu pengusaha durian di seluruh negara.

Melalui protokol ini juga, pengusaha durian yang berdaftar dan mendapat kelulusan daripada GACC berdasarkan pematuhan kepada syarat-syarat dalam Protokol tersebut dibenarkan untuk mengeksport buah durian segar ke negara China.

Pemain industri yang berminat untuk berdaftar sebagai pengeksport buah durian segar ke China boleh menghubungi Jabatan Pertanian (DOA) dengan mengemukakan emel kepada pro@doa.gov.my dan myskim@doa.gov.my.



PROGRAM KORBAN PERDANA 1445H/2024M

20 JUN 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menganjurkan Program Korban Perdana 1445H/2024M dengan kerjasama Surau Al-Kautsar KPKM, Kelab Tani, Pusanita KPKM, dan AKRAB KPKM.

Sebanyak sembilan (9) ekor lembu telah dikorbankan termasuk yang disumbangkan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM. Seramai 90 sukarelawan daripada kalangan warga KPKM, Jabatan Pertanian (DOA) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) terlibat dalam program korban ini.

YB Menteri turut bersama-sama dengan para sukarelawan melapah daging korban sebelum diagihkan. Program turut dihadiri YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha KPKM; YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM; YBhg. Datin Wan Razanawani binti Wan Zakaria, Pengerusi PUSPANITA KPKM, dan pegawai-pegawai KPKM.



PROGRAM WALKABOUT YB MENTERI KPKM KE GERIK, PERAK

21 JUN 2024

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu telah hadir ke program walkabout sempena penyampaian Kit Bantuan Agro Makanan Semarak MADANI di Kampung Sungai Raba, Gerik, Perak.

Sebanyak 96 bakul kit bantuan telah disampaikan kepada penduduk asal dari Kampung Kabel, Kampung Sungai Banun dan Kampung Sungai Raba. Ini merupakan salah satu inisiatif daripada pihak Kementerian bagi membantu meringankan bebanan rakyat untuk mendapatkan barangan keperluan harian.

YB Menteri turut meluangkan masa meninjau dan menyantuni penduduk asal di sini. Sebelum itu YB Menteri telah mengadakan lawatan ke Projek Agropelancongan Usahawan Denai Kabus, Gerik, Perak dan Projek Kolam Ikan, Kampung Sungai Raba. Pada sebelah petangnya, YB Menteri telah hadir merasmikan Tanaman Kopi Robusta.

Program walkabout ini turut dihadiri Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Dr. Akma binti Ngah Hamid; Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Encik Amir bin Matamin; Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan) Jabatan Pertanian (DOA), Encik Johari Abdullah dan Pegawai-Pegawai dari KPKM, DOA, DVS dan LPP.

MAJLIS SOLAT HAJAT MEMOHON DIPERMUDAHKAN URUSAN OPERASI PEMBENIHAN AWAM

21 JUN 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini menganjurkan solat hajat bagi memohon dipermudahkan urusan Operasi Pembenhian Awan (OPA) di Kawasan Kemubu, Kelantan.

Solat hajat ini diimamkan oleh YBrs. Ustaz Mat Nasir bin Mustafa di Surau Al-Kautsar Wisma Tani. Seramai 50 orang warga KPKM bersama-sama YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, KSU dan YBhg. Datuk Azah Hanim Ahmad, TKSU (Dasar) merangkap Timbalan Pengerusi KADA turut serta dalam program ini. Kawasan Kemubu di bawah seliaan KADA adalah Jelapang Padi kedua terbesar di Malaysia dan mengeluarkan 11 peratus hasil padi negara.



PROGRAM FAMA FEST 2024 @ NEGERI SELANGOR

Program FAMA Fest 2024 @ Negeri Selangor diadakan di Pekarangan AEON Bukit Tinggi, Klang, Selangor selama 4 hari mulai 27 hingga 30 Jun 2024 dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Program FAMA Fest merupakan salah satu acara tahunan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi mempromosi dan memperkenalkan produk-produk pertanian serta agromakanan tempatan kepada orang ramai.

Penganjuran FAMA Fest 2024 @ Negeri Selangor ini telah menarik penyertaan seramai 200 orang usahawan dan kehadiran pengunjung sekitar 50,000 orang serta sasaran nilai jualan sebanyak RM750 ribu sepanjang 4 hari program ini berlangsung.

YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut menyaksikan penyampaian cek cura yang berupa insentif geran berjumlah RM645,750 kepada 40 orang penerima meliputi 10 projek FAMA. YBM juga turut meluangkan masa melawat ke reruai usahawan dan promosi hasil tani produk myGAP dan myOrganic di dalam pasaraya AEON.

Turut hadir, YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha, KPKM; YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPKM; YBrs. Tuan Haji Aminuddin bin Zulkipli, Pengerusi FAMA dan YBrs. Encik Abdul Rashid bin Bahri, Ketua Pengarah FAMA.



OPERASI PEMBENIHAN AWAN (OPA) DI NEGERI KELANTAN

23 JUN 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyambut baik pengumuman YAB Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat pada 19 Jun 2024 berkaitan kelulusan penggunaan dana Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) bagi pelaksanaan program Operasi Pembenhian Awan (OPA) di Negeri Kelantan mulai 21 hingga 23 Jun 2024.

Pelaksanaan program OPA melibatkan kerjasama strategik antara agensi melibatkan KPKM, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) serta turut disertai sendiri oleh YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Pelaksanaan OPA ini bermatlamat untuk meningkatkan paras air semasa Sungai Kelantan yang menjadi sumber utama pengairan kawasan penanaman padi seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Operasi ini dijangka dapat menambahkan sistem pengairan di kawasan Kemubu yang mengalami kemarau panjang.

Pelbagai inisiatif telah diberikan kepada pesawah meliputi bantuan pam seperti pam mudah alih, booster pump dan backwork pump; pembinaan tubewell dan sebagainya. Sebagai tambahan, KADA turut menerima peruntukan sebanyak RM20 juta daripada Kementerian Kewangan bagi perolehan pam mudah alih bersaiz besar yang boleh beroperasi pada paras air yang rendah. Dalam masa yang sama, Rumah Pam Kemubu 3 kini sedang rancang dibina bagi tujuan penyelesaian isu sumber bekalan air dalam tempoh jangka panjang.

Turut hadir semasa operasi ini adalah Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali; Ketua Pengarah NADMA, Datuk Khairul Shahril bin Idrus; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) METMalaysia, Dr. Mohd Hisham bin Mohd Anip; Komander Pangkalan Udara Subang TUDM, Brigedier Jeneral Yusri bin Janari serta pegawai-pegawai kanan KPKM, NADMA, TUDM, METMalaysia dan KADA.





**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



**MALAYSIA
MADANI**



@kpkmmalaysia

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

WISMA TANI, PRESINT 4,
62624 PUTRAJAYA

www.kpkm.gov.my

BuletinAgro